

22 SEP 1998

Mahathir-seks/I

MAHATHIR MULANYA TIDAK PERCAYA DAKWAAN TERHADAP ANWAR

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sukar mempercayai dakwaan seksual terhadap timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim sehinggalah beliau sendiri menemubual para lelaki dan wanita yang terlibat.

Dr Mahathir memberitahu para pemberita hari ini bahawa orang-orang yang berkenaan telah menemuinya untuk memberitahu apa yang berlaku antara mereka dan Anwar.

"Mereka datang dengan rela hati dan mereka mengesahkan apa yang orang lain telah beritahu saya (mengenai Anwar)," kata beliau pada persidangan berita yang penuh-sesak, di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir kemudian menggambarkan sebahagian daripada beberapa perlakuan seks di luar tabii yang Anwar didakwa telah turut serta melakukannya.

Seorang lelaki memberitahunya Anwar bukan sahaja melakukan liwat "tetapi semasa proses itu beliau...saya tidak tahu apa anda menyebutnya...melakukan onani terhadap lelaki itu?" kata Dr Mahathir sambil mengerutkan mukanya.

Sambil berkata bahawa beliau tidak percaya seorang lelaki akan mereka-reka cerita seperti itu, Dr Mahathir berkata beliau yakin Anwar "melakukannya".

"Dan inilah orangnya yang bercakap mengenai orang lain sebagai keji," kata beliau.

Perdana Menteri berkata sukar baginya menjelaskan dakwaan salah laku seksual terhadap Anwar disebabkan cara perlakuannya.

"Tingkah-lakunya mengejikan. Adakah saya pergi ke sana sini dan memberitahu dunia bahawa ini adalah apa yang timbalan saya lakukan?" kata Dr Mahathir apabila diberitahu bahawa ramai pemimpin Umno di peringkat bawahan mendapati sukar untuk menerangkan kepada anggota-anggota parti mengenai dakwaan terhadap Anwar kerana mereka sendiri tidak begitu jelas mengenai tuduhan itu.

Perdana Menteri berkata memandangkan sukar baginya untuk memperjelasnya, "saya fikir ia juga sukar bagi mereka (para pemimpin bahagian Umno) untuk menjelaskannya."

Dr Mahathir berkata beliau mengambil masa kira-kira setahun untuk menerima dakwaan terhadap Anwar.

Beliau juga berkata bahawa Anwar bersungguh-sungguh membantah kepadanya apabila polis menahan adik angkatnya, Sukma Darmawan, untuk disoalsiasat bagi membantu penyiasatan mereka berhubung buku "50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

Sabtu lepas, Sukma dan seorang lagi lelaki, Dr Munawar Anees, mengaku di Mahkamah Sesyen di sini bahawa mereka telah diliwat oleh Anwar.

Dr Mahathir berkata apabila polis memberitahunya bahawa terdapat bukti dalam dakwaan-dakwaan terhadap Anwar, beliau memberitahu pihak polis bahawa "saya tidak boleh terus mempercayainya."

"Saya meminta supaya mereka (saksi-saksi) datang dan menemui saya," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata pihak polis memberitahunya bahawa Anwar telah menggunakan pengaruhnya semasa menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri untuk menghalang pihak polis daripada menjalankan penyiasatan mereka terhadap dakwaan yang terkandung dalam buku itu.

"Imej baik negara ini telah dimusnahkan oleh tindakan-tindakannya (pada

Ahad lepas)," kata Dr Mahathir.

Anwar mengetuai satu perarakan pada Ahad lepas yang mencetuskan beberapa rusuhan dan beliau kemudian telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Beliau sepatutnya tunggu mahkamah (untuk membuktikan dirinya tidak bersalah)," kata Dr Mahathir.

"Saya tidak boleh terima seorang lelaki yang merupakan seorang peliwat untuk menjadi pemimpin negara ini," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

ES NAK khy